

**KESAN PENYEBATAN KEMAHIRAN BERFIKIR
ARAS TINGGI DALAM PENGAJARAN
KEMAHIRAN MENULIS KARANGAN
BAHASA MELAYU DI SEKOLAH
JENIS KEBANGSAAN CINA**

NURUL NAZWA BINTI OSMAN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2021



**KESAN PENYEBATIAN KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI DALAM
PENGAJARAN KEMAHIRAN MENULIS KARANGAN BAHASA MELAYU
DI SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN CINA**

NURUL NAZWA BINTI OSMAN



**MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS DIKEMUKAKAN BAGI
MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA
PENDIDIKAN (PEDAGOG1)**

**FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2021



INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 13 Ogos 2021.

Student' Declaration:

Saya, NURUL NAZWA BINTI OSMAN, M20141000510 FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk KESAN PENYEBATAN KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI DALAM PENGAJARAN KEMAHIRAN MENULIS KARANGAN BAHASA MELAYU DI SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN CINA adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan se jelasnya dan secukupnya..



Tandatangan pelajar

Supervisor's Declaration:

Saya DR SABRI BIN MOHD SALLEH dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk KESAN PENYEBATAN KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI DALAM PENGAJARAN KEMAHIRAN MENULIS KARANGAN BAHASA MELAYU DI SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN CINA dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian syarat untuk memperoleh IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN PEDAGOGI.

10 Oktober 2021

Tarikh



Tandatangan Penyelia

**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: **KESAN PENYEBATAN KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI DALAM
PENGAJARAN PENULISAN KARANGAN BAHASA MELAYU DI SEKOLAH
JENIS KEBANGSAAN CINA**

No. Matrik / Matric's No.: **M20141000510**

Saya / I : **NURUL NAZWA BINTI OSMAN**

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

☐

SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

☐

TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

☒

TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS


(Tandatangan Pelajar/ Signature)


(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: 10 Oktober 2021

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Terlebih dahulu lafaz syukur Alhamdulillah ingin saya panjatkan ke hadrat Ilahi atas limpah rahmatNya, tesis ini berjaya disiapkan dengan jayanya walaupun terpaksa menempuh pelbagai cabaran dan dugaan.

Pada kesempatan ini, ingin saya rakamkan jutaan terima kasih kepada Dr. Sabri Mohd Salleh, selaku penyelia atas kesabaran, sokongan, nasihat dan bimbingan yang diberikan banyak membantu semasa penghasilan tesis ini. Segala bantuan, semangat, strategi dan kebijaksanaan beliau telah banyak mengajar saya menjadi seorang pengkaji yang beretika. Tidak dilupakan juga kepada pihak fakulti dan barisan pensyarah Fakulti Pembangunan Manusia yang turut terlibat sepanjang proses menyiapkan tesis ini.

Selain itu, disertasi ini juga ditujukan khas dan teristimewa kepada ibu dan arwah ayah tersayang iaitu Puan Hasni Hashim dan Osman Husin yang sentiasa mendoakan, memberikan semangat dan dorongan serta memberikan panduan hidup yang berguna. Ucapan terima kasih juga kepada ibu dan ayah mertua Musa Rafai dan Rupiah Sulaiman yang turut sama mencurahkan kasih sayang, dorongan dan doa yang tidak putus dalam tempoh pengajian ini. Jutaan terima kasih kepada suami tersayang Nor Zahid Musa dan ketiga-tiga putera Aisy Naufal, Aisy Nuqman dan Aisy Nazhan atas kesabaran, sokongan, bantuan, cinta dan doa kalian, sehingga pengajian dan tesis ini dapat disempurnakan dengan jayanya.

Buat rakan seperjuangan, terima kasih atas semangat dan kekuatan yang selalu dikongsi bersama. Suka dan duka perjalanan menyiapkan tesis ini dapat ditempuhi akhirnya. Semoga impian kita yang seterusnya tercapai. Terima kasih yang tidak terhingga juga kepada adik-beradik yang selalu memberikan kata semangat serta doa yang tidak putus. Semoga perjuangan ini memberikan satu inspirasi untuk lebih maju ke hadapan.

Sesungguhnya segala pengorbanan yang telah diberi ini amat dihargai dan disanjung selagi nyawa di kandung badan. Akhir kata, ucapan terima kasih juga kepada semua yang terlibat secara langsung ataupun tidak langsung dalam memberikan sumbangan, cadangan dan idea yang bernas dalam menyempurnakan tesis ini. Semoga penyelidikan ini menjadi wadah berguna untuk tatapan generasi akan datang.



ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk melihat kesan penyebatian kemahiran berfikir aras tinggi terhadap penulisan karangan dalam kalangan 48 orang murid tahun lima yang berprestasi rendah dan sederhana. Kajian ini dilakukan di sebuah sekolah jenis kebangsaan Cina di daerah Melaka Tengah, Melaka. Reka bentuk kajian ini menggunakan kaedah kuasi eksperimental dengan membahagikan responden kepada dua kumpulan yang terdiri daripada dua buah kelas iaitu kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan. Responden kedua-dua kumpulan diberikan ujian pra dan ujian pasca untuk membandingkan prestasi penulisan karangan daripada aspek keseluruhan karangan, bilangan patah perkataan dan aspek kemahiran berfikir. Hasil kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan iaitu, $p=0.402$ dalam pencapaian ujian pra antara kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan. Ini menunjukkan kedua-dua kumpulan dikatakan setara sebelum kajian dilakukan. Keputusan kajian menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan iaitu ($t=2.879$, $df=46$, $p<0.05$) bagi pencapaian ujian pasca antara kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan. Dapatan kajian juga menunjukkan sebanyak 3469 jumlah perkataan berjaya ditulis oleh responden kumpulan rawatan dalam ujian pasca berbanding hanya 998 perkataan pada ujian pra. Manakala dapatan bagi kemahiran berfikir yang ditonjolkan pula terdapat sebanyak 97 situasi kemahiran berfikir dalam ujian pasca berbanding 55 situasi kemahiran berfikir dalam ujian pra bagi kumpulan rawatan. Kesimpulannya, kaedah penyebatian kemahiran berfikir aras tinggi dalam pengajaran penulisan karangan ini jelas memberikan impak yang positif terhadap pencapaian murid. Oleh yang demikian, guru digalakkan menyebatkan kemahiran berfikir aras tinggi dalam pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis untuk meningkatkan penguasaan kemahiran menulis karangan.

THE EFFECTIVENESS OF INFUSING HIGH LEVEL THINKING SKILLS IN TEACHING BAHASA MELAYU ESSAY WRITING IN CHINESE NATIONAL SCHOOL

ABSTRACT

The purpose of this study was to evaluate the use of the infusing thinking skills technique in writing on 48 students with low and medium achievement. This study was conducted in a Chinese national type school in the district of Melaka Tengah, Melaka. The method used in this study was a quasi-experimental experiment which respondents were divided into two groups, namely the treatment group and the controlled group. Pre and post achievement test to compare the performance of essay writing, number of words and aspects of thinking skills were used as instruments. The results showed that there were no significant relationship $p=0.402$ in pre-test between the controlled group and the treatment group. This suggests the two groups were arguably equivalent. The results of the study showed that there was significant difference ($t=-2.879$, $df=46$, $p<0.05$) for post-test between the controlled group and the treatment group. The finding of the study also showed that a total of 3469 words were successfully composed by the respondents of the treatment group in the post test compared to only 998 words in the pre-test. Meanwhile, the findings for thinking skills that were highlighted were 97 situations of thinking skills in the post-test compared to 55 situations in the pre-test of the treatment group. In conclusion, the method of infusing thinking skills technique in the teaching of writing clearly has a positive impact. Therefore, teachers are encouraged to incorporate high level thinking skills in their teaching of writing skills to improve student's writing skills.

KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
------------------------------------	----

BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/LAPORAN KERTAS PROJEK	iii
---	-----

PENGHARGAAN	iv
--------------------	----

ABSTRAK	v
----------------	---

ABSTRACT	vi
-----------------	----

KANDUNGAN	vii
------------------	-----

SENARAI JADUAL	xii
-----------------------	-----

SENARAI RAJAH	xiv
----------------------	-----

SENARAI SINGKATAN	xv
--------------------------	----

BAB 1 PENDAHULUAN	1
--------------------------	---

1.1 Pengenalan	1
----------------	---

1.2 Latar Belakang Kajian	3
---------------------------	---

1.3 Penyataan Masalah	7
-----------------------	---

1.4 Objektif Kajian	11
---------------------	----

1.5 Hipotesis Kajian	11
----------------------	----

1.6	Soalan Kajian	11
1.7	Kepentingan Kajian	12
1.7.1	Guru	12
1.7.2	PPD	12
1.7.3	Kementerian	13
1.8	Batasan Kajian	13
1.9	Definisi Operasional	14
1.9.1	Penyebatan.	14
1.9.2	Keberkesanan Pembelajaran	15
1.9.3	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi	15
1.9.4	Kemahiran Menulis	16
1.9.5	Skema Pemarkahan	16
1.10	Rumusan	17
BAB 2	TINJAUAN LITERATUR	18
2.1	Pengenalan	18
2.2	Teori-teori Berkaitan Kemahiran Berfikir	19
2.2.1	Teori Pembelajaran Kognitif	19
2.2.2	Model Taksonomi Bloom	24
2.2.3	Model Kemahiran Berfikir	30
2.3	Kemahiran Berfikir Aras Rendah dan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi	32

2.4	Penyebatian KBAT dalam Penulisan Karangan	35
2.5	Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kedua	41
2.6	Kajian Berkaitan Penyebatian KBAT	43
2.7	Kajian Berkaitan Alat Pemikiran	44
2.8	Kepentingan Kemahiran Menulis Karangan	49
2.9	Kerangka Konseptual	51
2.10	Kesimpulan	52
BAB 3	METODOLOGI	54
3.1	Pengenalan	54
3.2	Reka Bentuk Kajian	55
3.3	Sample Kajian	57
3.4	Lokasi Kajian	58
3.5	Alat Kajian	58
3.5.1	Perisian AntCont	58
3.5.2	Ujian Penulisan Karangan	59
3.5.3	Skema Pemarkahan Karangan	60
3.6	Kesahan dan Kebolehpercayaan	60
3.7	Kajian Rintis	61
3.8	Prosedur Pengumpulan Data	62
3.9	Kaedah Penganalisan Data	66
3.10	Kesimpulan	68

x

BAB 4	DAPATAN KAJIAN	69
4.1	Pengenalan	69
4.2	Hasil Dapatan Menjawab Hipotesis	70
4.2.1	Tidak Terdapat Perbezaan Signifikan Antara Skor Ujian Pra bagi kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan.	70
4.2.2	Tidak Terdapat Perbezaan Signifikan Antara Skor Ujian Pasca Bagi Kumpulan Kawalan Dan Kumpulan Rawatan	72
4.2.3	Terdapat Perbezaan Yang Signifikan Antara Skor Ujian Pra dan Ujian Pasca Bagi Kumpulan Kawalan	73
4.2.4	Tidak Terdapat Perbezaan Yang Signifikan Antara Skor Ujian Pra dan Ujian Pasca Bagi Kumpulan Rawatan	74
4.3	Hasil Dapatan untuk Menjawab Soalan Kajian	75
4.3.1	Analisis kekerapan perkataan dalam ujian pra kumpulan kawalan.	75
4.3.2	Analisis Kekerapan Perkataan Dalam Ujian Pra Kumpulan Rawatan.	77
4.4	Kemahiran Berfikir yang Terdapat Dalam Ujian Pra dan Ujian Pasca bagi Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Rawatan	87
4.4.1	Jenis Kemahiran Berfikir yang terdapat dalam Ujian Pra dan Ujian Pasca Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Rawatan	88
4.5	Analisis Kemahiran Berfikir yang terdapat pada kumpulan rawatan	89
4.6	Kesimpulan	93

BAB 5	RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN	94
5.1	Pengenalan	94
5.2	Rumusan Kajian	96
5.3	Perbincangan Hasil Kajian	99
5.3.1	Rumusan keberkesanan penyebatan kemahiran berfikir dapat meningkatkan kemahiran menulis karangan.	99
5.3.2	Bilangan perkataan dan kata hubung yang digunakan dalam penulisan karangan.	102
5.3.3	Jenis kemahiran berfikir yang digunakan dalam penulisan Karangan	106
5.4	Implikasi Kajian	108
5.5	Cadangan Lanjutan	110
5.6	Rumusan daripada Dapatan Kajian	111
RUJUKAN		113
LAMPIRAN		120

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
2.1	Peringkat perkembangan kognitif Piaget	20
2.2	Huraian komponen-komponen Taksonomi Bloom (Moidunny, 2012)	25
2.3	Kemahiran berfikir Taksonomi Bloom (Rajendran, 2010)	26
2.4	Tahap Pemikiran Mengikut Aras	29
2.5	Tahap Pemikiran dalam Taksonomi Bloom.	34
3.1	Bilangan dan Peratus Murid	57
3.2	Aktiviti yang dijalankan semasa rawatan	65
3.3	Jadual Analisis Data Menggunakan Perisian	67
4.1	Keputusan ujian t untuk sampel bebas bagi ujian pra antara kumpulan kawalan dan rawatan	71
4.2	Ujian t pengukuran berulang	72
4.3	Ujian t pengukuran berulang	73
4.4	Ujian t pengukuran berulang	74

4.5	Analisis Kekerapan Perkataan Dalam Ujian Pra Kumpulan Kawalan	75
4.6	Analisis Kekerapan Perkataan Dalam Ujian Pra Kumpulan Rawatan	77
4.7	Analisis Kekerapan Perkataan Dalam Ujian Pasca Kumpulan Kawalan	78
4.8	Analisis kekerapan Perkataan dalam Ujian Pasca Kumpulan Rawatan	79
4.9	Perbandingan bilangan perkataan, jenis perkataan dan kekerapan tertinggi perkataan yang terdapat dalam ujian pra dan pasca kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan.	81
4.10	Analisis Keseluruhan Bilangan Perkataan Dan Kekerapan Tertinggi Bagi Kumpulan Kawalan Dan Kumpulan Rawatan.	83
4.11	Analisis Kemahiran Berfikir yang terdapat pada kumpulan kawalan	88
4.12	Analisis Kemahiran Berfikir yang terdapat pada kumpulan rawatan	89

SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
2.1	Model Taksonomi Bloom	27
2.2	Perubahan Taksonomi Bloom Asal dengan Taksonomi Anderson	28
2.3	Model Kemahiran Berfikir	30
2.4	Reka Bentuk Penyebatan KBAT	38
2.5	Kerangka Konseptual Kajian	51
3.1	Pembinaan item soalan karangan ujian pra dan ujian pasca.	59
3.2	Reka bentuk prosedur pengumpulan data antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan.	62
3.3	Reka bentuk pelaksanaan kajian keberkesanan penyebatan kemahiran berfikir	64

SENARAI SINGKATAN

BM	Bahasaa Melayu
KBAT	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
PdPc	Pembelajaran dan Pemudahcaraan
SPSS	Statistical Packages For The Social Science

SENARAI LAMPIRAN

- A Contoh Kriteria Pemarkahan Karangan
- B Analisis Kemahiran Berfikir Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Rawatan

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Bahasa Melayu merupakan bahasa Kebangsaan yang diperakukan dalam Perkara 152, Perlembagaan Persekutuan. Jesteru itu, bahasa Melayu menjadi bahasa Rasmi rakyat yang mempunyai peranan tertentu terutamanya dalam bidang pendidikan. Pendidikan rendah merupakan tahap paling penting untuk membina asas kemahiran berbahasa.

Kementerian Pendidikan Malaysia sangat menitikberatkan kemahiran berbahasa dalam bahasa Melayu. Hai ini disebabkan murid-murid yang berada di sekolah rendah akan menduduki Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) di semua sekolah di seluruh Malaysia sama ada sekolah kebangsaan atau sekolah jenis kebangsaan.

Bagi mata pelajaran bahasa Melayu sebenarnya telah menerima transformasi dalam pembelajaran dan pemudahcaraan untuk menerapkan kemahiran berfikir (Yahya



Othman, 2003). Pendidik diseru untuk menerapkan elemen kreativiti dan inovasi dalam pengajaran dengan lebih efisien. Hai ini kerana tanggungjawab guru Bahasa Melayu bukan hanya menyampaikan kandungan pelajaran, akan tetapi guru juga bertindak sebagai penggerak untuk membuka minda murid dalam meneroka unsur tersirat (Yahya Othman, 2004). Selain itu juga, guru berperanan untuk menggerakkan pemikiran pelajar dalam menerapkan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) agar dapat dikuasai sekali gus meningkatkan kebolehan kemahiran berbahasa pelajar. Melalui KBAT juga pelajar dapat mengawal, menentukan arah dan mengukur kemajuan pelajaran mereka (Yahya Othman, 2014).

Hai ini demikian selari dengan perkara yang terkandung dalam Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu pada tahun 2013 yang menjelaskan bahawa:



“Kemahiran berfikir hendaklah diserapkan secara terancang dengan kemahiran mendengar dan bertutur, membaca dan menulis. Huraian Sukatan Pelajaran BM ini memberikan penekanan pada Kemahiran Berfikir secara kritis dan kreatif dalam pengajaran dan pembelajaran.”

(Huraian Sukatan Pelajaran BM, 2013, hlm. 8)

Tuntutan pendidik sebagai peneraju aktiviti berfikir murid dilihat selaras dengan hasrat negara yang memfokuskan kepada penerapan KBAT dalam pengajaran dan pembelajaran. Selain itu juga, Siti Khairiah Mohd Zubir (2012) menyatakan bahawa peranan guru Bahasa Melayu dalam PdPc melibatkan kebolehan guru menguasai (i) pengetahuan pedagogi, (ii) pengetahuan kandungan; (iii) menyediakan persekitaran kondusif; (iv) melonjakkan ilmu pengetahuan murid dengan menggabung



jalin kemahiran berbahasa bersama-sama aktiviti penerokaan, pencarian maklumat, pelaporan dan menghasilkan produk yang mempunyai unsur KBAT dan (iv) memupuk semangat cinta akan bahasa.

Dalam menyusuri era globalisasi ini para pendidik perlu mempunyai kemahiran yang tinggi dalam mengaplikasikan dan bersikap proaktif untuk melakukan penambahbaikan dalam menghadapi cabaran ini. Bagi menjayakan wawasan dan hala tuju pendidikan ini, pendidik wajar memiliki dan menguasai ilmu dan mempunyai intelek yang tinggi, penguasaan kemahiran profesional yang mantap serta di perkasa dengan penguasaan kemahiran dan teknologi baru, penghayatan nilai dan etika keguruan serta kekuatan peribadi dan sahsiah yang terpuji selaras dengan hasrat negara itu. Hal ini demikian sangat penting sebagai wahana dalam kemenjadian murid dan dapat melahirkan insan berilmu, berkemahiran serta memiliki kekuatan spiritual dan sahsiah diri yang unggul.

1.2 Latar Belakang Kajian

Penguasaan kemahiran menulis yang mantap dalam kalangan pelajar yang memenuhi kriteria semasa menulis karangan semestinya membolehkan pelajar tersebut berada pada tahap baik mahupun cemerlang. Tahap pencapaian yang dijelaskan dalam kriteria tersebut bergantung pada kebolehan pelajar sendiri terutamanya dalam menulis karangan. Secara keseluruhannya, tahap pencapaian murid-murid sekolah rendah terutamanya sekolah jenis kebangsaan dalam kemahiran menulis masih berada pada tahap sederhana. Calon masih lemah dalam memahami kehendak soalan, tidak dapat



mengeluarkan idea yang relevan serta huraian yang kabur, penguasaan bahasa yang lemah dan pemilihan kosa kata yang tidak sesuai.

Di Malaysia, kemahiran menulis adalah kemahiran berbahasa yang sangat diberi tumpuan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia bagi murid sekolah rendah. Murid-murid wajib mengambil kertas Bahasa Melayu Penulisan dalam Ujian Pencapaian sekolah Rendah (UPSR) sama ada di sekolah kebangsaan mahupun sekolah jenis kebangsaan. Laporan peperiksaan UPSR Bahasa Melayu Penulisan dalam UPSR 2015 menunjukkan peratus cemerlang murid SJKC seluruh Melaka sebanyak 26%, peratusan Bahasa Melayu Penulisan di SJKT sebanyak 16.2 % berbanding SK di seluruh Melaka yang mencatatkan 61.9%. Situasi ini menunjukkan pencapaian bahasa Melayu masih tidak memuaskan terutamanya sekolah jenis kebangsaan.



Dalam UPSR, kertas Bahasa Melayu penulisan terdiri daripada tiga bahagian.

Dalam bahagian A ialah memindahkan maklumat yang membawa sepuluh markah, manakala bahagian B ialah membina ulasan yang membawa 15 markah dan bahagian C ialah menulis karangan yang membawa 25 markah. Jadi, bahagian menulis karangan membawa peratus dan impak yang tinggi kepada keseluruhan pencapaian murid dalam kertas Bahasa Melayu penulisan. Oleh yang demikian, murid haruslah mendapatkan markah yang tinggi dalam bahagian menulis karangan untuk mendapat keputusan yang cemerlang. Pada bahagian C ini juga terdapat dua soalan. Namun murid hanya perlu memilih satu soalan sahaja. Pemilihan soalan yang betul sangat penting untuk menentukan pencapaian mereka. Soalan yang dipilih haruslah mampu dihuraikan dengan baik. Murid perlu berhati-hati semasa memilih soalan sebelum menjawab soalan. Oleh itu, semasa proses memilih soalan juga perlu diselitkan kemahiran berfikir di mana murid perlu menyelitkan elemen membuat keputusan dengan bijak.





Seterusnya, semasa proses menghasilkan karangan yang baik murid perlu bersedia dan mempraktikkan amalan yang telah dipelajari sebelumnya. Justeru, adalah penting untuk guru Bahasa Melayu menerapkan elemen KBAT dalam PdPc kerana proses menulis karangan itu sendiri memerlukan daya berfikir yang tinggi untuk mendapat hasil yang mantap.

Elemen KBAT ini seharusnya dijadikan budaya bermula dari sekolah rendah lagi. Hal ini kerana dalam situasi sebenar persekolahan, elemen kreativiti, daya cipta dan inovasi masih belum menjadi asas yang mendukung kepada sistem pendidikan (Abu Bakar Nordin, 2013). Sekolah merupakan medium yang paling sesuai dalam menerap elemen KBAT kepada setiap murid untuk diaplikasikan dalam kehidupan seharian. Alam persekolahan dikatakan memberi pengaruh yang besar terhadap pemikiran dan tingkah laku seseorang dalam jangka masa yang panjang.



“...amat perlu juga diwujudkan tenaga buruh mahir yang berdaya usaha, berfikiran saintifik dan kreatif serta lengkap dengan kebolehan bagi menyelesaikan sebarang masala. Kesemua ini harus dimulakan pada peringkat sekolah”.

(Mohd Azhar Abd Hamid, Zainudin Hassan, Esa Khalid & Othman A. Kassim, 2003a: ms72).

De Bono (1994) mengatakan bahawa pihak sekolah sewajarnya mengetahui bahawa kemahiran berfikir harus diajar sebagai subjek asas dalam kurikulum kerana ia merupakan asas yang menyumbang kepada pencapaian murid. Kesimpulannya, sekolah





harus menyediakan ruang dan peluang untuk mengasah kemahiran berfikir yang berterusan bagi memenuhi keperluan yang dihasratkan.

Seterusnya, usaha ini diteruskan dengan adanya penerapan Kemahiran Berfikir Kritis dan Kreatif (KBKK) pada tahun 1994 yang memberi fokus kepada kemahiran kritis dan kreatif ke arah penyelesaian masalah dan membuat keputusan. Penekanan juga diberi kepada metakognisi melalui kurikulum dan pedagogi. Pada tahun 2013 KBAT telah diketengahkan sebagai kesinambungan kepada KBKK yang memfokuskan kepada kemahiran berfikir aras tinggi iaitu mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta. Penekanan pula dalam kurikulum, pedagogi, pentaksiran, kokurikulum, sokongan komuniti dan swasta, bina upaya serta sumber. Melalui KBAT, guru harus memastikan murid menguasai asas 3M yang terdiri daripada membaca, menulis dan mengira di samping menerapkan kemahiran berfikir.



Lanjutan daripada itu, usaha menerapkan KBAT diteruskan dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) (2006-2010). Melaluinya, matlamat berfokus kepada pembangunan modal insan merujuk kepada kemampuan KPM melahirkan modal insan “minda kelas pertama” yang memenuhi kehendak negara maju. PIPP ini juga mempunyai misi bagi menghasilkan generasi pelajar yang berupaya berfikir kreatif dan kritis, berkebolehan menyelesaikan masalah serta mampu mencipta peluang baharu, ketahanan yang tinggi serta mampu berhadapan dengan sebarang isi global yang mencabar.

Seterusnya, usaha tersebut diteruskan dengan pembudayaan KBAT dalam PdPC yang dikukuhkan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) (2013/2025). Terdapat 11 anjakan yang dilakukan bagi membina perubahan yang





dihajatkan oleh semua. Salah satu daripadanya memfokuskan kepada pembudayaan KBAT dalam PdPc yang menyediakan kesamarataan akses kepada pendidikan berkualiti bertaraf dunia. Dalam anjakan ini, KPM telah melakukan anjakan dalam beberapa aspek antaranya penggubalan kurikulum baharu iaitu Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) dan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) pada tahun 2017.

Menyedari akan perubahan dan cabaran yang berlaku, pentingnya usaha untuk menyebatkan KBAT dalam PdPc. Pendidik seharusnya sangat peka kepada perubahan semasa supaya dapat menghindari terjadinya pengabaian tentang penerimaan dan kesediaan kognitif murid. Hal ini disebabkan setiap murid mempunyai kebolehan kognitif yang pelbagai. Kesimpulannya, sangat penting sebagai guru untuk menganalisis, membuat keputusan dan menilai amalan pedagogi agar murid bersedia menghadapi sebarang situasi (Maimunah Nasir & Hashimah Mohd Yunus, 2017)

1.3 Penyataan Masalah

Amalan pengajaran yang berkualiti dalam PdPc akan mempengaruhi suasana pembelajaran dan seterusnya mampu mencipta hasil penulisan yang mantap. Hal ini disebabkan ilmu pengetahuan guru terhadap apa yang disampaikan dan penggunaan kaedah yang sesuai sangat membantu murid meluaskan pemikiran dalam mengaitkan idea semasa proses menghasilkan karangan (Marohaini Yusoff, 2004). Di samping itu, penyebatan KBAT dalam PdPc yang berkesan memerlukan pemahaman guru terhadap keperluan kurikulum, pengetahuan dan kemahiran pedagogi, pemilihan kaedah atau





strategi serta mengenal tahap perkembangan murid-murid sendiri. Walau bagaimana pun, penyelidikan tentang penyebatian KBAT dalam subjek Bahasa Melayu masih kurang dilakukan (A. Rahman Haron, Jamaludin Badusah & Zamri Mahamod, 2015).

Ketiadaan isi utama dalam perenggan, kelemahan penghuraian isi utama, ketiadaan isi-isi utama dan tiada urutan dari satu fakta ke fakta yang lain menjadi faktor utama kelemahan pelajar dalam menulis karangan. Pengetahuan yang cetek tentang tajuk juga turut mempengaruhi keyakinan pelajar semasa menghasilkan karangan. (Noradinah, 2014). Ada kalanya, mereka mempunyai idea tetapi tidak dapat menzahirkan idea tersebut dalam bentuk penulisan.

Pengetahuan amalan pedagogi guru dalam bilik darjah tentang penyebatian KBAT turut menjadi isu seperti guru sukar menentukan dengan terperinci kemahiran yang diajar sama ada kritis, kreatif atau analitik. Hal ini mungkin disebabkan kemahiran ini tidak jelas semasa PdPc. Kekeliruan ini turut menjadi halangan dan cabaran dalam menyebatkan KBAT. Terdapat sebahagian guru yang tidak bersedia untuk menambahkan input tentang KBAT, tidak mahir menentukan strategi mengajar KBAT yang sesuai, tidak yakin serta kekurangan bimbingan untuk menerapkan KBAT semasa pengajaran (Zarina Abdul Rashid, 2016 & Mohd Nazri Hassan, Ramlee Mustapha Nik Azimah Nik Yusuffa, Rosnidar Mansor, 2017). Ini dapat disimpulkan, tanggungjawab yang diamanahkan tidak dapat berjalan dengan berkesan berikutan kurangnya kesediaan untuk menyebatkan KBAT semasa PdPc berlangsung.

Di samping itu, terdapat juga dapatan yang menyatakan bahawa tidak terdapat modul yang sesuai sebagai pedoman guru dalam melancarkan usaha penyebatian KBAT ini (Mohd Nazri Hassan, Ramlee Mustapha, Nik Azimah Nik Yusuff, &





Rosnidar Mansor, 2017). Modul ini biasa dapat digunakan oleh guru sebagai alat bantu ataupun rujukan kepada guru yang tidak berpeluang menghadiri bengkel. Selain itu, perkara yang boleh menarik minat pelajar yang perlu dititikberatkan ialah bahan bantu mengajar (James, 2017). Kedua-dua komponen penting seperti modul dan bahan bantu yang sesuai ini turut mempengaruhi aktiviti berfikir aras tinggi pelajar.

Selain itu juga, terdapat KBAT yang diaplikasikan semasa pengajaran juga tidak sistematik dan tersusun kerana tiada persediaan yang rapi bagaimana untuk menerapkan KBAT tersebut (Chew & Shashipriya Nadaraja, 2014; Sharifah Nor Puteh, Nor Adibah Ghazali, Mohd Mahzan Tamyis & Aliza Ali, 2012; Zarina Abdul Rashid, 2016; Zulkifli Osman, 2015;). Silibus pembelajaran yang agak padat juga membantutkan usaha penyebatian KBAT. Guru biasanya akan mengejar silibus untuk dihabiskan mengikut masa yang telah ditetapkan tanpa mengambil kira unsur KBAT yang perlu disebatikan.

Kaedah pengajaran tradisional seperti '*chalk and talk*' tidak menyumbang kepada pengajaran KBAT di dalam kelas. Menurut Noor Rohana Mansor (2003), antara punca kelemahan kemahiran menulis karangan juga ialah kurangnya penyebatian kemahiran berfikir dalam poses PdPc. Hal ini dapat dilihat dalam hasil kerja setiap hari tetapi juga dapat dilihat dalam peperiksaan awam yang lain. Murid dan guru masih dibelenggu dengan kaedah tradisional yang lebih kepada satu hala.

Selain itu, hasil dapatan turut memaparkan bahawa teknik penyoalan aras rendah digunakan semasa PdPc berlansung (Chew, P.L & Shashipriya Nadaraja, 2014; Mohd Uzi Dollah, 2012; Zulkifli Osman, 2015; Sharifah Nor Puteh et al., 2012; Sukiman Saad, Noor Shah Saad & Zarina Abdul Rashid, 2016) ikut abjad. Hal ini





secara tidak langsung tidak mendorong mereka berfikir secara kritis dan kreatif. Kesannya, amalan kaedah berpusatkan murid tidak diaplikasikan di dalam kelas serta KBAT tidak dapat dikembangkan melalui PdPc. Guru juga tidak mengaplikasikan kaedah dan strategi berpusatkan murid yang dapat menyuburkan KBAT dalam kalangan pelajar (Shamsuddin Muhammad, Ruzlan Md. Ali & Siti Noor Ismail, 2016). Tindakan ini tidak selari dengan usaha untuk menerapkan KBAT dalam PdPc di mana fokusnya tidak diberi kepada pemikiran aras tinggi yang terdapat dalam Taksonomi Bloom.

Beberapa masalah yang timbul seperti ketandusan idea serta dan kelemahan menghurai dengan baik akan menyukarkan murid untuk mendapatkan markah yang cemerlang. Selain itu amalan pedagogi guru juga memainkan peranan yang penting.

Antaranya termasuklah kurangnya kesediaan, tiada pengetahuan tentang KBAT, kesuntukan masa dan tiada bahan atau pun modul sesuai yang boleh digunakan serta aras penyoalan yang digunakan juga tidak dapat mencungkil KBAT dalam diri murid. Hal ini telah menjadi kekangan dalam merealisasikan kejayaan penyebatian KBAT dalam pengajaran.

Apabila penelitian dibuat berhubung isi dan kekangan berkaitan penyebatian KBAT dalam PdPc, wujud persoalan apakah masalah ini dapat diatasi dan bagaimana cara untuk menyelesaikannya seterusnya dapat meningkatkan prestasi murid-murid sekolah dalam kemahiran menulis karangan. Selin itu, jika amalan penyebatian KBAT dipraktikkan apa kesannya kepada guru dan murid? Oleh yang demikian, menjadi relevan dan rasional kajian penyebatian KBAT dalam PdPc kemahiran menulis karangan dilaksanakan.



1.4 Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan untuk meneliti keberkesanan penyebatian KBAT dalam meningkatkan kualiti menulis karangan di sekolah jenis kebangsaan Cina.

1.5 Hipotesis Kajian

Terdapat empat hipotesis null dalam kajian ini iaitu:

Hipotesis:

- i. Tidak terdapat hubungan yang signifikan perbezaan pencapaian penulisan karangan pelajar dalam ujian pra dan ujian pasca bagi kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan.
- ii. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara skor ujian pasca kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan.
- iii. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara skor ujian pra dan ujian pasca kumpulan kawalan.
- iv. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara skor ujian pra dan ujian pasca kumpulan rawatan.

1.6 Soalan Kajian

1. Apakah perbezaan pencapaian penulisan karangan pelajar dalam ujian pra dan pasca bagi kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan?

2. Adakah terdapat perbezaan antara kumpulan rawatan berbanding kumpulan kawalan daripada segi jumlah perkataan dan kata tugas?
3. Apakah kemahiran berfikir yang terdapat dalam ujian pra dan ujian pasca kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan?

1.7 Kepentingan Kajian

1.7.1 Guru

Kepada para guru, kajian ini diharapkan mampu memberi idea dan gambaran untuk menyusun strategi pengajaran dan pembelajaran yang lebih baik serta berkesan untuk mengajarkan penulisan karangan pelajar sekolah rendah. Kajian ini turut membantu guru-guru Bahasa Melayu menggunakan pemikiran mereka dengan lebih kreatif kerana untuk menggalakkan murid berfikir guru harus lebih bersedia menggunakan kemahiran berfikir.

1.7.2 PPD

Pada peringkat pejabat pendidikan daerah pula, hasil kajian ini diharapkan dapat dijadikan salah satu alternatif bagi meningkatkan prestasi penulisan Bahasa Melayu sekolah jenis kebangsaan di daerah Melaka Tengah. Pihak PPD juga dapat menyarankan guru-guru di sekolah jenis kebangsaan untuk menggunakan penyebatian kemahiran berfikir dalam pengajaran karangan untuk membantu meningkatkan



kemahiran menulis karangan dan murid dapat menguasai kemahiran berfikir aras tinggi dengan lebih berkesan.

1.7.3 Kementerian

Hasil dapatan dalam kajian ini mungkin boleh dijadikan rujukan untuk kajian yang lebih mendalam dan lebih menyeluruh bagi meningkatkan pengamalan penyebatian kemahiran berfikir aras tinggi di sekolah. Seandainya hasil kajian dilihat positif, kementerian boleh membuat perancangan dengan mengatur langkah seperti pengedaran modul bagi diedarkan kepada guru-guru di semua sekolah rendah. Dengan terhasilnya kajian ini diharapkan dapat menambah koleksi seterusnya dijadikan rujukan tentang penyelidikan dalam bidang penulisan dan kemahiran berfikir pada masa akan datang.

1.8 Batasan Kajian

Kajian ini melibatkan 48 orang responden yang terdiri daripada murid Cina tahun lima di sebuah sekolah di daerah Melaka Tengah, Melaka. Semua responden yang dipilih terdiri daripada dua kelas yang sama tahap. Kajian ini menggunakan kaedah eksperimental. Responden ditadbirkan dengan dua jenis ujian pra dan ujian pasca bagi membandingkan tahap penguasaan kemahiran menulis karangan dalam kalangan pelajar. Ujian t digunakan untuk mengukur sama ada wujud keberkesanan antara dua min iaitu ujian pra dan ujian pasca. Masa yang diambil untuk menjalankan kajian ini selama lapan minggu dan dijalankan di dalam kelas semasa waktu bahasa Melayu





sebanyak satu jam seminggu. Kajian ini juga berfokus kepada penyebatian KBAT dalam PdPc dengan menggunakan Taksonomi Domain Kognitif Bloom (1956) yang telah disemak semula tahapnya oleh L.W Anderson dan kumpulan penyelidiknya (2001). Pemilihan Taksonomi Pembelajaran Domain Kognitif Bloom (2001) menjadi fokus utama dengan penelitian pada aras aplikasi, analisis, penilaian dan mencipta untuk mengukur kebolehan kognitif dan kemahiran berfikir murid.

1.9 Definisi Operasional

Terdapat beberapa istilah khusus yang harus ditakrifkan sesuai dengan keperluan kajian. Antara istilah tersebut ialah penyebatian, pembelajaran dan pemudah cara (PdPc), kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT), kemahiran menulis dan skema pemarkahan.

1.9.1 Penyebatian

Penyebatian ialah merupakan perkataan yang menerima imbuhan daripada perkataan asal iaitu bati. Menurut kamus dewan Edisi Keempat, bati bermaksud sesuai atau mesra atau bersatu pada yang bermaksud sukar untuk memisah atau mengasingkannya.

Manakala bagi perkataan penyebatian pula ialah perbuatan atau proses menyebatkan. Dalam Bahasa Melayu, terdapat beberapa unsur yang perlu diselitkan. Unsur-unsur tersebut adalah kemahiran lain yang diselitkan merupakan nilai





kemasyarakatan, kewarganegaraan, kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif, kemahiran bernilai tambah, kemahiran belajar, kajian masa depan, kecerdasan pelbagai dan sebagainya (Khairuddin Mohamad & Zaridah Ramli, 2015). Dalam kajian ini, penyebatian merujuk kepada cara yang dilakukan oleh guru untuk menjalankan PdPc yang menggabungkan elemen KBAT semasa mengajar karangan.

1.9.2 Keberkesanan Pembelajaran

Perkataan 'keberkesanan' terhasil daripada 'kesan'. Menurut Kamus Dewan (2002:663) 'Kesan' didefinisikan tanda yang ditinggalkan, bekas sama ada kebaikan atau keburukan. Manakala perkataan 'keberkesanan' bermaksud berkesannya sesuatu tindakan atau perbuatan. Dalam konteks kajian ini 'keberkesanan' bermaksud hasil atau akibat yang terjadi daripada penyebatian kemahiran berfikir dalam menghasilkan karangan dalam kalangan pelajar di sekolah jenis kebangsaan Cina.

1.9.3 Kemahiran Berfikir Aras Tinggi

Kemahiran berfikir telah diatur mengikut tahap dalam hierarki daripada kemahiran asas kepada yang lebih kompleks. Kemahiran berfikir aras tinggi boleh didefinisikan proses menggunakan fikiran untuk mengaplikasi pengetahuan, kemahiran, nilai serta berdaya kreatif dalam mencungkil idea, membuat penaaakulan, keputusan, menyelesaikan masalah, refleksi, berdaya cipta dalam membentuk diri menjadi individu yang





berkemahiran. Bagi kajian ini, terdapat empat aras kemahiran berfikir aras tinggi yang diberi tumpuan iaitu mengaplikasi, menganalisis, menilai, dan mensintesis.

1.9.4 Kemahiran Menulis

Dalam kajian ini, kemahiran menulis merujuk kepada keupayaan murid menjana idea melalui penulisan yang pelbagai tentang apa yang dipelajari dengan ayat yang gramatis, idea yang diterjemahkan secara tersusun, huraian isi yang jelas serta susunan yang teratur di samping mengandungi unsur kreatif dan imaginatif. Selain itu, dalam kajian ini, kemahiran menulis adalah perkara penting untuk melihat keberkesanan kaedah yang digunakan. Dalam konteks ini, penulisan karangan merupakan karangan sekolah rendah yang mengikut format penilaian dalam Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR). Karangan yang ditulis mengikut tajuk yang diberikan.

1.9.5 Skema Pemarkahan

Skema merupakan penetapan peraturan standard yang perlu diikuti sebagai panduan kepada seseorang individu supaya memenuhi norma-norma yang ditetapkan. Manakala pemarkahan ialah proses pemberian nilai kuantitatif terhadap jawapan yang diterima. Skema pemarkahan bermaksud satu set peraturan atau standard yang dijadikan panduan kepada pemeriksa semasa memeriksa skrip jawapan pelajar. Dalam kajian ini, skema pemarkahan telah digunakan untuk menentukan skor responden. Skema pemarkahan yang digunakan adalah merujuk kepada skema peperiksaan sebenar yang telah



dikeluarkan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia untuk Ujian Pencapaian Sekolah Rendah. Daripada skor yang diperoleh, meningkatkan skor dapat dilihat dengan lebih jelas.

1.10 Rumusan

Bab ini telah menghuraikan tentang latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, hipotesis, batasan kajian, kepentingan kajian serta definisi operasional yang menjadi komponen penting dalam penyelidikan ini. Pengkaji ingin membuat kajian mengenai keberkesanan penyebatian kemahiran berfikir aras tinggi dalam meningkatkan kemahiran menulis karangan.